

**Sorotan Perkembangan Terorisme Moden: Analisis
Hubungan Terorisme Baharu dengan Gerakan Militan
Muslim**

***A Review on the Development of Modern Terrorism: An
Analysis of the Relationship Between New Terrorism and the
Muslim Militant Movement***

Muhamad Syafriz Mhd Nazer

Department of Akidah & Islamic Thought
Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
syafriznazer@gmail.com

Mohd Khairul Naim Che Nordin

Department of Akidah & Islamic Thought
Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
khairulnaim@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol49no2.6>

Abstract

This paper analyzes the relationship between the concept of new terrorism and Muslim militant movements within the framework of terrorism theory along with reviews of the development of modern terrorism. Library research is applied in collecting and analyzing research data. The results show that there is a relationship between the concept of new terrorism and religions. It is based on the position of religions as a dominant factor in acts of terrorism starting in the 1990s era to the present. Muslim militant movements such as al-Qaeda, ISIS and Boko Haram are used as prime examples referring to the new characteristics of terrorism. Several aspects such as goals, tactics, activities, methods of operation, targets and threats are considered as factors that differentiate between new and old terrorism. However, the study also found that these characteristics also exist in other religious and ideologically motivated groups that operate around the world. In fact, some examples of past terrorism cases show these features have already existed before. It can thus be concluded that the concept of new terrorism should not be attributed only to the Muslim militant movement. In addition, the view of some terrorism scholars to assign a new categorization to the phenomenon of terrorism that has already occurred is an inaccurate classification and needs to be revisited.

Keywords: *Modern Terrorism, New Terrorism, Muslim Militant Movement, Religion and Ideology.*

Abstrak

Makalah ini menganalisis hubungan konsep terorisme baharu dengan gerakan militan Muslim dalam kerangka teori terorisme beserta sorotan perkembangan terorisme moden. Kaedah dokumentasi perpustakaan digunakan sebagai proses pengumpulan dan analisis data. Hasil kajian menunjukkan konsep terorisme baharu yang diketengahkan disebabkan faktor agama dilihat mendominasi tindakan terorisme bermula pada era 1990-an sehingga kini. Manakala gerakan militan Muslim seperti al-Qaeda, ISIS dan Boko Haram dijadikan contoh utama merujuk kepada ciri-ciri terorisme baharu. Beberapa aspek seperti matlamat, taktik, kegiatan, kaedah operasi, sasaran serta ancaman diambil kira sebagai faktor yang membezakan antara terorisme baharu dan lama. Namun kajian turut mendapati ciri-ciri ini turut ada dalam kumpulan bermotifkan agama dan ideologi lain yang beroperasi di seluruh dunia. Bahkan beberapa contoh kes terorisme lampau menunjukkan ciri-ciri ini telah sedia wujud sebelum ini. Justeru makalah ini merumuskan konsep terorisme baharu tidak sewajarnya hanya dinisbahkan kepada gerakan militan Muslim. Di samping itu usaha sarjana terorisme untuk menetapkan pengkategorian baru terhadap fenomena yang telah berlaku merupakan pengkelasan yang tidak tepat dan perlu disemak kembali.

Kata kunci: Terorisme Moden, Terorisme Baharu, Gerakan Militan Muslim, Agama dan Ideologi.

Pendahuluan

Indeks Terorisme Global 2020 meletakkan Malaysia di tempat ke 76 bagi negara yang terkesan dengan impak keganasan. Manakala tujuh negara teratas pula didominasi oleh negara Islam iaitu Afghanistan, Iraq, Nigeria, Syria, Somalia, Yaman dan Pakistan. Walau pun aktiviti terorisme dilihat semakin perlahan di Asia Barat dan Asia Selatan namun statistik menunjukkan berlaku peralihan perkembangan terorisme ke negara sub Sahara di Afrika.¹ Melihat kepada pasang surut perkembangan terorisme beserta orientasi dan pendekatan yang berbeza kini, maka pengkaji terorisme antarabangsa menyifatkan terorisme kontemporari sebagai ‘terorisme baharu’ berasaskan struktur dan

¹ Institute for Economic and Peace, “Global Terrorism Index 2020: Measuring the Impact of Terrorism,” dicapai pada 20 Mei 2021, <http://visionofhumanity.org/reports>.

kegiatannya yang dilihat selari dengan perkembangan teknologi dan globalisasi semasa. Kemunculan gerakan militan Muslim dalam jumlah yang besar dan terorganisasi dalam konteks perkembangan ini pula telah membuka dimensi perbincangan yang lebih khusus berkaitan konsep ini. Justeru makalah ini bertujuan menjelaskan perkembangan terorisme moden, hubungan perkembangan tersebut dengan kemunculan kumpulan militan Muslim dan analisis terhadap pengkategorian gelombang terorisme. Sebelum itu akan dibahaskan terlebih dahulu aspek definisi terorisme secara umum.

Permasalahan Berkait Definisi Terorisme

Pada aspek bahasa, istilah '*terrorism*' berasal dari perkataan Latin iaitu '*terrere*' yang bermaksud 'untuk menakutkan' (*to frighten*).² Manakala '*terrorist*' dan '*terrorism*' boleh diterjemah sebagai pengganas dan keganasan. Pada aspek tindakan dan perlakuan, terorisme boleh dimaknakan sebagai ancaman berbentuk tindakan keganasan yang bermatlamatkan politik.³

Walaupun secara umumnya terorisme difahami sebagai suatu tindakan keganasan, namun ia masih mengundang pelbagai perdebatan dan kekeliruan dari sudut definisi. Sehingga kini tidak wujud satu definisi yang disepakati oleh kerajaan, pertubuhan antarabangsa termasuk PBB dan sarjana dalam memberikan takrifan yang disepakati. Ia menatijahkan definisi berbeza berdasarkan sudut pandang yang berbeza. Menurut Easson dan Schmid, terdapat lebih 260 definisi terorisme yang telah ditakrifkan oleh pelbagai pihak sehingga ke hari ini.⁴

² Latin Dictionary & Grammar Resources, dicapai 20 Mei 2021, <https://latin-dictionary.net/definition/37010/terreo-terrere-terrui-territus>, entri terreo, terrere, terrui, territorus.

³ Cambridge Dictionary, dicapai 10 Feb 2021, <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/terrorism>, entri terrorism.

⁴ Joseph J. Easson and Alex P. Schmid, *The Routledge Handbook of Terrorism Research* (London & New York: Routledge, 2011), 99; Alex P. Schmid, "The Revised Academic Consensus Definition of Terrorism: Perspective on Terrorism," *Terrorism Research Initiative* Vol 6(2) (2012), 158-159.

Global Terrorism Data (GTD) mentakrifkan terorisme sebagai ancaman dengan menggunakan tindakan secara haram atau keganasan yang dilakukan oleh sesuatu kumpulan bagi mencapai tujuan politik, ekonomi, agama dan sosial melalui pendekatan paksaan dan mendatangkan ketakutan.⁵ Manakala Kesatuan Eropah pula mendefinisikan tindakan terorisme sebagai perbuatan yang sengaja dilakukan bertujuan untuk menakutkan manusia dan mengubah keputusan kerajaan atau organisasi antarabangsa berkait hal ehwal pemerintahan. Tindakan yang dilakukan pula mengakibatkan kemusnahan struktur perlembagaan, ekonomi dan sosial negara.⁶ Bagi pandangan sarjana pula, Thomas Koruth Samuel sebagai contoh, mendefinisikan terorisme sebagai tindakan di mana pelakunya menasaskan orang awam, memusnahkan harta benda dan menjana ketakutan dalam kalangan sekumpulan manusia dengan hasrat menukar status politik tertentu yang mereka anggap tidak adil dan menindas.⁷

Walaupun wujud pelbagai definisi seperti yang dinyatakan namun terdapat beberapa elemen yang dilihat selari dalam setiap definisi. Ia boleh diteliti dengan merujuk kepada tiga komponen utama yang secara asasnya wujud pada setiap definisi terorisme iaitu; (1) ancaman dan penggunaan kekerasan; (2) capaian matlamat politik yang berterusan; dan (3) kesan psikologi terhadap golongan sasaran. Justeru, jelas dapat dilihat wujudnya aspek sepunya dalam setiap gerakan terorisme iaitu penggunaan kekerasan demi memberi kesan terhadap mangsa dan pihak berkepentingan yang terlibat. Semua yang dilakukan ini pula bermatlamatkan politik. Walau bagaimanapun, apakah wujud perbezaan pada aspek orientasi dan matlamat antara terorisme lampau dengan masa kini? Serta apakah perbezaan dalam hal

⁵ Global Terrorism Data, *Codebook: Inclusion Criteria and Variables* (t.p: START, 2018), 10.

⁶ European Parliament, "Understanding Definitions of Terrorism," dicapai pada 10 Feb 2021, [https://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/ATAG/2015/571320/EPRS_ATA\(2015\)571320_EN.pdf](https://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/ATAG/2015/571320/EPRS_ATA(2015)571320_EN.pdf).

⁷ Thomas Koruth Samuel, *Don't Lah Wei: A Peer to Peer Resource Guide on Ensuring That Your Kawan Never Becomes a Terrorist* (Southeast Asia Regional Centre for Counter Terrorism, 2018), 7.

definisi ini turut memberi perbezaan dalam menilai perkembangan gerakan ini? Dan di manakah pula kedudukan gerakan militan Muslim dalam konteks pengkategorian ini? Perbincangan seterusnya akan menyoroti sejarah kelahiran terorisme serta faktor-faktor perkembangannya.

Sejarah Perkembangan Terorisme Moden: Analisis Empat Gelombang David Rapoport

Sejarawan Barat berpandangan bahawa kumpulan pengganas yang terawal dalam sejarah adalah gerakan pelampau Yahudi pada kurun pertama masihi. Mereka menggunakan pendekatan kekerasan melampau untuk menentang penjajahan Rom. Dalam tradisi Kristian Latin, mereka dikenali dengan nama kelompok pengganas *Zealot*, manakala orang Rom menggelarkan mereka sebagai ‘puak belati’ kerana sering menggunakan senjata tersebut untuk membunuh wakil empayar Rom. Bahkan dicatatkan mereka juga turut membunuh bangsa mereka sendiri yang dianggap telah murtad atau cuai dalam beriltizam dengan ajaran Taurat.⁸

Di era moden, terorisme berkembang secara signifikan selepas meletusnya revolusi Perancis pada tahun 1789.⁹ Istilah ‘*terror*’ mula digunapakai pada tahun 1795 bagi merujuk kepada pendekatan yang digunakan oleh kerajaan republik Perancis pada waktu itu untuk mewujudkan aturan demokrasi yang stabil selepas revolusi. Istilah tersebut melalui fasa dan orientasi moden sewaktu pemerintahan ‘*reign of terror*’ yang dipimpin oleh Maximilien Robespierre serta kumpulan Jacobin yang berpengaruh dalam revolusi. Natiyahnya *The Reign of Terror* atau fasa pemerintahan ganas merupakan label yang diberikan oleh ramai sejarawan untuk merujuk kepada tempoh ketika meletusnya revolusi dan penubuhan negara republik Perancis. Ia bermula pada tahun 1793 dan berakhir ketika tergulingnya Robespierre pada 1794. Fasa ini berlangsung pasca revolusi akibat kemungkinan berlakunya

⁸ Reza Aslan, *Zealot: A 30 Minute Chapter by Chapter Summary. The Life and Times of Jesus of Nazareth* (California: Createspace Independent Pub, 2013).

⁹ David C. Rapoport, “The Fourth Wave: September 11 in the History of Terrorism,” *Current History* vol. 100 (650) (2001), 419-424.

perang sivil dan revolusi balas (*counter revolution*).¹⁰ Dengan itu pendekatan keganasan dan kekerasan digunakan sebagai instrumen kerajaan untuk mengembalikan aturan politik dan sosial di Perancis. Justeru ‘*terror*’ diperakui sebagai pendekatan yang wajar dilaksanakan oleh kerajaan waktu itu.

Para sarjana berpandangan, terorisme moden memiliki sejarah pertautan hubungannya dengan Revolusi Perancis 1789. Ianya dianggap sebagai garis sempadan yang memisahkan sistem politik dan sosial Eropah lama dengan era moden, bahkan dilihat sebagai titik kemuncak yang membawa kepada kesedaran nasional, gerakan anti kolonial dan gelombang gagasan kedaulatan rakyat. Justeru, bermula dari revolusi Perancis inilah lahirnya istilah ‘*terror*’ dan ‘*state terrorism*’ iaitu kerajaan yang menggunakan pendekatan kekerasan dalam dasar dan polisi mereka.¹¹

Namun jika diperhatikan gerakan terorisme yang berlaku di seluruh dunia bermuara dari matlamat dan orientasi yang saling berbeza. Bagaimanakah pengenalpastian gelombang terorisme boleh dilakukan? Dan tidakkah ia berkembang secara rawak membabitkan pelbagai kumpulan? Dalam konteks sosio politik kontemporari, sarjana seperti David Rapoport menyoroti sejarah terorisme berdasarkan gelombang yang digerakkan oleh kumpulan teroris yang dominan pada tempoh masa tertentu serta ideologi dan matlamat yang menjadi objektif utama mereka. Oleh kerana itu, tesis *The Four Waves of Modern Terror* yang diperkenalkan oleh David Rapoport adalah teori yang amat berpengaruh dan diperdebatkan secara meluas dalam penyelidikan terorisme. Menurut beliau, terdapat empat gelombang terorisme bermula di akhir kurun ke-19 iaitu ‘*Anarchist*’ (anarki), ‘*Anti-colonial*’ (anti penjajah/nasionalis), ‘*New Left*’ (sayap kiri) dan ‘*Religious*’ (agama). Setiap gelombang dikatakan berpunca dari sesebuah tempat atau negara dan kemudian berkembang membabitkan pelbagai pihak di seluruh dunia. Setiap gelombang

¹⁰ Gerard Chalian and Arnaud Blin, *The History of Terrorism from Antiquity to Al-Qaeda* (California: University of California Press 2007), 95.

¹¹ Gerard and Arnaud, *The History of Terrorism from Antiquity to Al-Qaeda*, 98.

pula dianggarkan berlaku kira-kira selama 25 ke 30 tahun.¹² Berikut merupakan huraian berkenaan empat gelombang terorisme moden menurut Rapoport:

i. Gelombang Anarki (Anarchist Wave)

Menurut Rapoport, gelombang anarki merupakan gelombang pertama terorisme moden yang bermula pada tahun 1880 sehingga 1905. Antara bentuk keganasan dari gelombang ini ialah pembunuhan permaisuri Austria, Raja Itali, Presiden Perancis dan juga presiden Amerika Syarikat. Gelombang anarki ini menyaksikan aksi-aksi terorisme oleh pengikut anarki di beberapa buah negara yang bermula di Rusia kemudiannya berkembang di Austria, Perancis, Amerika Syarikat dan lain-lain lagi. Faktor kemunculan gelombang ini bermula di Rusia pada tahun 1861, apabila Czar Alexander melancarkan satu reformasi besar-besaran bertujuan membentuk semula Rusia dengan menubuhkan kerajaan tempatan, membebaskan hamba serta memberikan dana untuk membeli tanah mereka. Malangnya pembaharuan sosial yang dijanjikan tidak dapat ditepati sehingga mengakibatkan kemarahan dan bermula dari situlah kaum anarki mengkonsepkan semula idea dan strategi bagi menjatuhkan sistem monarki dengan melakukan tindakan terorisme di kawasan awam.¹³

Prinsip asas anarki ialah menolak segala bentuk kuasa yang bersifat mengawal manusia dan menanam sifat antagonis ke dalam jiwa masyarakat.¹⁴ Kemuncak aksi sewaktu gelombang ini adalah pada tahun 1890an iaitu waktu yang disebut sebagai '*the golden age of murder*' apabila monarki dan juga pemimpin tertinggi negara diburu dan dibunuh oleh upahan anarki yang dapat melintasi sempadan negara dan antarabangsa dengan mudah pada waktu itu. Impaknya, anarki dan terorisme dianggap sebagai satu identiti yang sama pada waktu tersebut. Bagi anarkis pula, mereka percaya bahawa tindakan keganasan yang dilakukan akan

¹² David C. Rapoport, "Modern Terror: The Four Waves," dalam *Attacking Terrorism: Elements of a Grand Strategy*, ed. Audrey Cronin dan J. Ludes (Washington D.C: Georgetown University Press, 2004), 46-73.

¹³ Erin Walls, *Waves of Modern Terrorism: Examining the Past and Predicting the Future* (Washington D.C: Georgetown University, 2017), 21.

¹⁴ Chalian and Blin, *The History of Terrorism*, 135.

dinilai mulia oleh generasi berikutnya dan tindakan tersebut adalah berkesan bagi menjatuhkan sistem yang menekan manusia.

ii. Gelombang Anti Penjajahan (*Anti-Colonial Wave*)

Era kolonialisasi oleh kuasa Barat telah menyaksikan kemunculan gerakan nasionalis di kebanyakan negara terjajah. Matlamat utama gerakan ini ialah perjuangan kemerdekaan tanah air melalui penolakan total kepada dominasi kuasa asing. Gelombang kedua ini bermula pada tahun 1920an dan berakhir pada tahun 1960an. Ia dikenali pasti muncul setelah perjanjian Versailles ditandatangani yang menamatkan perang dunia pertama (1914-1918).¹⁵ Rangsangan utama gelombang ini adalah penentuan nasib negara sendiri (*national self-determination*), manakala kuasa kolonial telah dijadikan sebagai sasaran politik melalui pendekatan keras dan kejam. Ia menjadi asas aspirasi kepada munculnya kumpulan-kumpulan teroris baru di negara seperti Ireland, Cyprus, Yaman dan Algeria. Gelombang ini semakin perlahan apabila kuasa penjajah mula mengundurkan diri dan negara yang dijajah mencapai kemerdekaan.

Bagi Rapoport, walaupun istilah pejuang kemerdekaan digunakan bagi kelompok yang terlibat dalam gerakan tersebut, namun pendekatan mereka lebih memfokuskan kepada kegiatan pembunuhan dan keganasan terhadap kuasa asing sebagai suatu usaha provokasi supaya pihak kolonial mengundurkan diri dari negara mereka. Berdasarkan matlamat dan orientasi tersebut maka beliau memasukkan gerakan kemerdekaan dan anti penjajahan yang menggunakan metode tersebut dalam fasa yang kedua.¹⁶

iii. Gelombang Aliran Kiri (*New Left Wave*)

Gelombang terorisme ketiga pula merupakan satu revolusi sosial yang didorong oleh penolakan total terhadap sistem kapitalis dan demokrasi liberal yang dipelopori perkembangannya secara unilateral oleh Amerika Syarikat. Ia teretus disebabkan meletusnya konflik ketidakstabilan politik dan ekonomi dunia akibat perang dingin antara Amerika Syarikat dan USSR serta kemudiannya perang Vietnam 1955-1975. Pelaku terdiri dari

¹⁵ Rapoport, *Modern Terror*, 46.

¹⁶ Rapoport, *The Fourth Wave*, 419.

kumpulan-kumpulan kecil yang dipanggil ‘*urban guerilla*’ seperti Red Army Faction di German, Red Brigades di Itali dan Red Army di Jepun. Antara contoh tindakan keganasan yang dilakukan ialah oleh RAF pada tahun 1970 yang membakar pusat beli belah di Frankfurt sebagai protes terhadap pencerobohan Amerika Syarikat di Vietnam.¹⁷

Tiga dekad pertama gelombang ini juga memperlihatkan aksi keganasan dalam bentuk rampasan kapal terbang dan pembunuhan terancang. Direkodkan kira-kira 700 kapal terbang berjaya dirampas dalam tempoh tersebut dengan tragedi yang paling dahsyat ialah pembunuhan Perdana Menteri Itali, Aldo Moro oleh kumpulan Red Brigades pada tahun 1978. Pembunuhan ini dilakukan kerana Moro menolak sesi rundingan yang dikemukakan dan beliau dibunuh kejam dengan mayatnya terdampar di tengah jalan.¹⁸

iv. Gelombang Agama (Religious Wave)

Gelombang ke-4 ini dilihat berlaku atas faktor dorongan agama di mana tumpuan diberikan kepada kumpulan radikal Muslim. Menurut Rapoport, terdapat tiga peristiwa yang berlaku di dunia Islam yang membawa kepada permulaan gelombang ini iaitu pertama, Revolusi Islam Iran yang berlaku pada tahun 1979, kedua, permulaan abad baru Islam (*new century*) menurut kalendar Hijrah dan juga terakhir, pencerobohan Soviet terhadap Afghanistan.¹⁹ Kemuncaknya ialah pada pertengahan tahun 1990 yang memperlihatkan perhatian wacana terorisme Barat beralih dari terorisme bersifat lokal kepada terorisme global yang

¹⁷ Arthur Jach Chrzaszcz, “Analysis of the New Left Wave Basing on the Concept of the Four Waves of Terrorism by David Rapoport and Selected Political Events,” *World Scientific News an International Scientific Journal* vol. 92(2) (2018), 387.

¹⁸ Arthur Jach Chrzaszcz, “Analysis of the New Left Wave Basing on the Concept of the Four Waves of Terrorism by David Rapoport and Selected Political Events,” *World Scientific News an International Scientific Journal* vol. 92(2) (2018), 388.

¹⁹ David C. Rapoport, “The Four Waves of Modern Terrorism,” UCLA, dicapai pada 6 Feb 2021, <http://international.ucla.edu/media/files/Rapoport-Four-Waves-of-Modern-Terrorism.pdf>, 61.

tertumpu kepada kalangan kumpulan yang dipanggil media Barat sebagai *radical Islam*, *jihadist*, *fundamentalist* dan lain-lain.

Walau bagaimanapun dalam tempoh fasa ini tetap wujud pelaku keganasan yang mengatas namakan agama selain Islam. Justeru, istilah *holy terror* digunakan bagi merujuk kepada kumpulan penganut yang bermotifkan agama secara umum dan ia tidak terhad kepada kumpulan Islamis. Antaranya adalah seperti kumpulan Sikh yang berjuang menubuhkan negara teokrasi di Punjab, India pada tahun 1980, ekstremis Yahudi yang mahu memusnahkan masjid al-Aqsa di Jerusalem serta Aum Shinrikyo satu ajaran campuran Budha, Hindu dan Kristian yang melepaskan gas saraf di stesen kereta api bawah tanah Tokyo pada tahun 1995 dan mengakibatkan kecederaan kepada 3000 orang dan kematian 12 nyawa.²⁰

Namun gerakan militan Muslim dilihat mendominasi gelombang ke-4 ini berdasarkan dua aspek iaitu pertama, serangan-serangan yang dilakukan paling banyak membawa kematian dan yang kedua perkembangan aktif rangkaian jaringannya di peringkat antarabangsa.²¹ Oleh kerana itu, meski pun kekerasan bermotivasikan agama dilakukan oleh setiap penganut agama, namun keganasan yang dilakukan atas nama Islam adalah lebih signifikan untuk dicermati. Beberapa kes dan perkembangan seperti mana yang berlaku di beberapa negara seperti Iran, Sudan, Lubnan, Somalia, Afghanistan, Libya, Syria, Iraq dan beberapa tempat lain yang menunjukkan kegiatan keganasan yang dilakukan adalah secara terancang dan sistematik.

Empat gelombang ini dinyatakan sebagai penggerak arus perkembangan terorisme moden. Namun, sebahagiannya masih dikelompokkan sebagai terorisme bentuk lama, manakala sebahagian lain pula disebut sebagai terorisme baru sebagai menandakan kemunculan bentuk terorisme yang ketara berbeza dengan kaedah dan operasi gerakan terorisme sebelumnya. Perbincangan seterusnya akan menghuraikan perbezaan antara terorisme lama dan baru.

²⁰ Rapoport, *The Four Waves*, 61.

²¹ Peter R. Neumann, *Radicalized New Jihadists and the Threat to the West* (London, New York: I.B. Tauris, 2016), 34.

Perbezaan Terorisme Lama dan Baharu

Apakah yang dimaksudkan dengan terorisme baharu? Dan apakah pula perbedaannya dengan bentuk terorisme lampau? Sebahagian sarjana membahagikan dua konsep terorisme ini berdasarkan orientasi dan impaknya. Sebagai contoh, terorisme lama diidentitikan melalui orientasi peperangan secara langsung antara dua kumpulan dengan jumlah korban yang sedikit dan kadar kerosakan yang rendah. Sasaran adalah lebih berfokus bagi mencapai objektif politik tertentu.²²

Manakala bagi terorisme moden pula, serangan dilakukan tidak secara langsung terhadap musuh sebaliknya secara rawak termasuk terhadap orang awam dan mengakibatkan kemusnahan yang lebih besar serta membabitkan korban jiwa yang lebih ramai. Penggunaan bentuk senjata bagi fasa ini sama seperti fasa sebelumnya, namun yang membezakan adalah penggunaannya yang bertujuan menghasilkan kemusnahan dan kematian yang lebih banyak. Dengan perkembangan teknologi persenjataan kontemporari, orientasi serangan berkemungkinan memberi impak lebih besar pada masa hadapan. Justeru, senjata kimia, biologi, radiologi dan nuklear atau dikenali sebagai CBURN berkemungkinan digunakan bertujuan mencapai objektif sesuatu kumpulan di masa hadapan.²³

Berdasarkan klasifikasi yang telah dijelaskan di atas, maka boleh dinyatakan bahawa aktiviti keganasan sekitar era 1960an hingga 1980an dikategorikan sebagai terorisme lama yang berkesinambungan dari bentuk terorisme sebelumnya (*old terrorism*). Ini kerana keganasan dalam tempoh ini dikatakan lebih signifikan dengan gerakan berhaluan kiri apabila berlakunya beberapa insiden pembunuhan terancang dan rampasan pesawat seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Dorongan ideologi sebegini dapat dikenal pasti melalui kumpulan yang berasaskan fahaman seperti Marxisme, Komunisme, etno-nasionalisme dan separatisme.

²² Boaz Ganor, "Defining Terrorism: Is One Man's Terrorist Another Man's Freedom Fighter?," *Police Practice and Research* vol. 3(4) (2002), 287-304.

²³ Boaz Ganor, "Defining Terrorism: Is One Man's Terrorist Another Man's Freedom Fighter?," 287.

Dari sudut strategi, kumpulan di era ini dilihat lebih selektif dalam menentukan sasaran berdasarkan matlamat, kepentingan serta hubungan dengan tuntutan perjuangan. Pemilihan sasaran secara terpilih dan bukannya rambang adalah penting bagi memperlihatkan matlamat perjuangan mereka kepada umum. Bahkan kegagalan memilih sasaran dengan baik mampu merencatkan keseluruhan modus operandi mereka. Sebagai contoh organisasi seperti *Irish Republican Army* (IRA) dan *Euskadi Ta Askatasuna* (ETA) bersifat lebih teliti dalam menyasarkan sasaran demi perubahan politik yang diinginkan. Ini kerana organisasi sedemikian menginginkan simpati dan pengaruh dari orang awam melalui tindakan mereka bagi mengukuhkan kuasa dan kedudukan.²⁴

Konsep Terorisme Baru

Melihat kepada corak perkembangan terorisme semasa, sesetengah ahli akademik dan pengkaji terorisme antarabangsa telah mengklasifikasikan terorisme yang berlaku pada abad ke-21 ini sebagai *new terrorism* iaitu suatu arus dan pendekatan terorisme yang berbeza berbanding sebelumnya. Penjenamaan terorisme baharu mula menjadi perbincangan utama dalam kalangan ahli akademik apabila sebahagian pengkaji terorisme antarabangsa mewujudkan satu perbincangan khusus mengenainya. Antara mereka ialah Alex Schmid, Walter Laqueur, Bruce Hoffman, Paul Walkinson dan Ashton Carter yang telah mengemukakan konsep seperti '*postmodern terrorism*'²⁵, '*the new terrorism*'²⁶ dan '*catastrophic terrorism*'²⁷ bagi merujuk kepada kemunculan terorisme dengan pendekatan baharu.

Namun apakah bentuk terorisme baharu tersebut. Era permulaan 1990an dikatakan sebagai transisi daripada terorisme lama kepada terorisme baharu dengan mengambil kira beberapa

²⁴ Chrzaszcz, "Analysis of the New Left Wave", 388.

²⁵ Walter Laqueur, "Postmodern Terrorism," *Foreign Affairs* 7(5) (1996), 24-36.

²⁶ Ian O. Lesser et al., *Countering the New Terrorism* (Santa Monica: RAND, 1999).

²⁷ Ashton B Carter, John Deutch dan Philip Zelikow, "Catastrophic Terrorism," *Foreign Affairs* 77(6) (1999), 80-94.

insiden terorisme seperti serangan WTC di New York pada tahun 1993 dan serangan gas beracun (Sarin) pada tahun 1995 oleh Aum Shinrikyo di Tokyo Jepun, sehinggalah berlakunya serangan menara WTC pada 2001 di New York yang meningkatkan lagi pemerhatian ahli akademik terhadap topik ini.²⁸

Perbahasan ini dilihat mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemunculan gerakan militan Muslim seperti al-Qaeda yang dianggap sebagai sebuah organisasi teroris beroperasi dengan kaedah yang lebih moden. Konsep ini diketengahkan setelah pengkaji terorisme mengenal pasti beberapa aspek yang dilihat mengalami perubahan dari segi bentuk terorisme yang berlaku di era pertengahan 1990an. Antara aspek yang dikenal pasti ialah matlamat, sasaran, taktik serta kegiatan yang dikatakan berbeza dengan terorisme sebelum tahun 1990an (*old terrorism*). Hal ini akan dihuraikan secara lebih detail dalam perbincangan berkenaan gerakan militan Muslim yang didakwa mencorakkan terorisme bentuk baru.

Hubungan Terorisme Baharu dengan Gerakan Militan Muslim

Sebahagian pengkaji terorisme bersetuju bahawa agama adalah satu indikasi terpenting ke arah wujudnya konsep terorisme baharu. Seperti yang telah dibincangkan, lewat 1950an sehingga 1980an menyaksikan kemunculan kumpulan teroris berdasarkan semangat nasionalisme, anarkisme, komunisme dan Marxisme yang dilihat lebih berorientasikan ideologi ekonomi dan politik. Namun kemunculan beberapa kumpulan selepas itu menunjukkan kelahiran kumpulan gerakan radikal dan militan yang bermatlamatkan agama.

Justeru, sebahagian sarjana melihat tindakan terorisme oleh kumpulan ini sebahagiannya didorongi oleh 'tawaran syurga'.²⁹ Berdasarkan kajian oleh Nadine Gurr dan Benjamin Cole bahawa secara purata hanya terdapat 2 daripada 64 kumpulan pengganas

²⁸ Peter R. Neumann, *Old and New Terrorism: Late Modernity, Globalization and the Transformation of Political Violence* (Cambridge: Polity Press, 2009), 3.

²⁹ John Baylis, *The Globalization of World Politics* (New York: Oxford University Press, 2005), 480.

yang bermotivasikan agama pada tahun 1980. Kemudian bilangannya meningkat kepada 25 daripada 58 kumpulan pada tahun 1995.³⁰

Keganasan terkini dilihat lebih signifikan dengan gerakan Muslim berdasarkan ideologi dan tindakan mereka yang lebih menonjol berbanding kumpulan lain. Oleh yang demikian, gerakan ini menjadi kayu ukur bagi konsep terorisme baharu. Dalam hal ini Osama bin Laden dan kumpulan al-Qaeda disebut sebagai contoh primer bagi pelopor era terorisme baharu. Sejurus selepas serangan WTC pada 9 November 2001, akhbar *Washington Post* menyiarkan berita bertajuk "*Bin Laden: Architect of the New Global Terrorism*" bagi menggambarkan ancaman merbahaya terbaru yang bakal dihadapi oleh dunia.³¹ Tidak kurang juga yang mendakwa agama Islam secara khusus sebagai ancaman global bagi abad 21 yang menyebarkan ideologi keganasan.³²

Di samping itu, hubungan gerakan ini dengan terorisme baharu turut dilihat pada keupayaan gerakan militan Muslim beroperasi di mana ia mempunyai perbezaan ketara berbanding kumpulan lain dalam beberapa aspek. Antaranya mereka memiliki pengikut yang lebih ramai dengan jaringan yang lebih luas.³³ Berdasarkan statistik, ahli kumpulan Abu Nidal (ANO) mempunyai pengikut aktif seramai 500 orang pada zaman kemuncaknya manakala kumpulan al-Qaeda pimpinan Osama bin Laden pernah memiliki seramai 5000 pengikut dari kalangan ahli yang mengikuti latihan ketenteraan mereka. Bilangan tersebut tidak termasuk ahli dari kalangan simpatisan dan pendokong dari

³⁰ Nadine Gurr dan Benjamin Cole, *The New Face of Terrorism: Threats from Weapons of Mass Destruction* (London: Bloomsbury Academic, 2000), 28-29.

³¹ Karen DeYoung dan Michael Dobbs, "Bin Laden: Architect of the New Global Terrorism", laman sesawang *Washington Post*, dicapai pada 20 Januari 2021, <https://www.washingtonpost.com/archive/politics/2001/09/16/bin-laden-architect-of-new-global-terrorism/0f31fea0-afe6-4983-a378-7654be07f279/>.

³² George Joffe, *Global Terrorism* (Lisbo: EuroMesco Secretariat IEEI, 2004), 5.

³³ Andrew Tan dan Kumar Ramakrishna, *The New Terrorism: Anatomy, Trends and Counter Strategies* (London: Eastern University Press, 2002), 4.

seluruh dunia yang tidak menjalani latihan di kem yang disediakan. Boko Haram atau Jama'ah Ahl al-Sunnah li al-Da'wah wa al-Jihad pula dicatatkan mempunyai 1500 angkatan bersenjata. Manakala ISIS pula di zaman kemuncaknya berjaya mengumpul 20,000 ke 31,500 pejuang dari pelbagai negara di seluruh dunia.³⁴

Manakala pada aspek kaedah operasi pula, gerakan militan Muslim bergerak dengan susun atur hierarki berkumpulan yang kecil dengan dipantau oleh beberapa pemimpin yang dianggap ulamak dalam kalangan mereka. Struktur ini sengaja diatur sedemikian agar ia sukar dijejaki namun hakikatnya kuantiti bilangan ahli mencapai jumlah yang besar. Selain itu, perkembangan teknologi membolehkan kumpulan ini bergerak secara sistematik bagi menyebarkan ideologi, arahan serta rancangan yang lebih terkawal. Pemimpin dan ahli tidak perlu bersemuka untuk mendapatkan arahan sebaliknya hanya berpandukan rangkaian sosial seperti *group* di telefon mudah alih. Bagi ahli yang tidak mendapat latihan secara formal, mereka boleh mengakses sumber-sumber berkaitan latihan ketenteraan menggunakan internet.³⁵

Dalam hal ini, eksploitasi internet oleh gerakan seperti ISIS dilihat mempunyai lima tujuan utama iaitu; (1) mengkaji sasaran yang berpotensi direkrut dan berkomunikasi sesama mereka; (2) menyediakan manual latihan ketenteraan seperti kaedah pembuatan bom dan senjata; (3) menjana dana; (4) menyebarkan video dan mesej bertujuan menjustifikasi tindakan keganasan; (5) radikalisasi dan merekrut ahli baru.³⁶ Dengan itu, media sosial digunakan secara aktif bagi merealisasikan objektif kumpulan. Natiujahnya, kajian oleh The Brookings Project yang melihat pengaruh kumpulan teroris di media sosial pada tahun 2014

³⁴ Jomana Karadsheh, Jim Sciutto dan Laura Smith-Spark, "How Foreign Fighters are Swelling ISIS Ranks in Startling Numbers," CNN, dicapai pada 5 Nov 2020, <https://edition.cnn.com/2014/09/12/world/meast/isis-numbers/index.html>.

³⁵ Tan dan Ramakrishna, *The New Terrorism*, 4.

³⁶ Jasmin Jawhar, *Terrorist Use of the Internet: The Case of Daesh* (Kuala Lumpur: The Southeast Asia Regional Centre for Counter Terrorism SEARCCT, 2016), 22.

menunjukkan terdapat lebih kurang 46,000 akaun Twitter yang digerakkan oleh pendokong dan simpatisan ISIS.³⁷

Di samping itu, terorisme baharu juga dicorakkan dengan peningkatan jumlah korban yang tinggi.³⁸ Serangan-serangan yang berlaku di era 1990 sehingga ke tragedi 2001 adalah kesemuanya menyasarkan kemusnahan dalam skala yang besar. Jadual di bawah menjelaskan contoh bentuk serangan, skala atau impak dan organisasi yang terlibat.³⁹

Bil.	Organisasi	Impak Serangan
1	Al-Qaeda dan kumpulan yang berafiliasi dengan mereka.	<ul style="list-style-type: none"> a. 7 Ogos 1998: Letupan bom di Nairobi dan Dar al-Salam membunuh 224 orang. b. 11 September 2001: Rampasan pesawat dan serangan bunuh diri di New York dan Washington yang mengorbankan 2996 nyawa. c. 12 Okt 2002: Letupan bom di Bali, Indonesia membunuh 202 orang.
2	ISIS dan kumpulan yang berafiliasi dengan mereka.	<ul style="list-style-type: none"> a. 15 Feb 2015: Penyembelihan 12 penganut Kristian Koptik di pantai Libya. b. 20 Mac 2015: Pengeboman masjid di Sana'a, Yaman membunuh 137 orang. c. 26 Jun 2015: Serangan bersenjata di pantai Sousse, Tunisia

³⁷ J. M Berger dan Jonathan Morgan, "The ISIS Twitter Census: Defining and Describing the Population of ISIS Supporters on Twitter", Analysis Paper, The Brookings Project on U.S Relations with the Islamic World, No. 20, Mac 2015, 2.

³⁸ Lesser, et al., *Countering the New Terrorism*, 87.

³⁹ Reuters, Major Attack by Al Qaeda, <https://www.reuters.com/article/idINIndia-56711920110502>; Tim Lester et al., ISIS Goes Global: 143 Attacks in 29 Countries Have Killed 2,043, CNN, <https://edition.cnn.com/2015/12/17/world/mapping-isis-attacks-around-the-world/index.html>; laman sesawang *Australian National Security*, <https://www.nationalsecurity.gov.au/Listedterroristorganisations/Pages/Al-QaidaAQ.aspx>

		<p>membunuh 38 orang.</p> <p>d. 12 Nov 2015: Pengeboman bunuh diri di Beirut, Lubnan membunuh 43 orang.</p>
3	Boko Haram (Jama'ah Ahl al-Sunnah li al-Da'wah wa al-Jihad/ Islamic State in West Africa (ISWA))	<p>a. 1 Mei 2018: Pengeboman bunuh diri di Mubi yang mengorbankan 86 orang.</p> <p>b. 16 Jun 2019: Pengeboman bunuh diri di Konduga yang mengorbankan 86 orang.</p> <p>c. 9 Feb 2020: Serangan bersenjata di Auno yang mengorbankan 30 orang.</p>

Kemusnahan Menara WTC yang mengakibatkan ribuan kematian (*indiscriminate target*) dalam kalangan orang awam merupakan contoh paling jelas terhadap corak ini. Begitu juga peristiwa pengeboman keretapi di Madrid pada tahun 2004 yang mengorbankan 191 nyawa dan mencederakan 2050 orang yang lain. Pelbagai teori konspirasi dibincangkan berkait dua peristiwa ini namun pengakuan secara langsung pemimpin dan perancang menunjukkan hubungan langsung peristiwa tersebut dengan al-Qaeda.⁴⁰ Justeru boleh dirumuskan bahawa pengkonsepsian terorisme baru berasaskan tiga aspek iaitu faktor pendorong atau motif iaitu agama, aspek orientasi melalui serangan secara rawak dan besar di pelbagai tempat serta operasi iaitu penggunaan teknologi internet yang optimum. Aspek ini dikatakan secara sepunya dimiliki oleh kumpulan militan Muslim antarabangsa seperti al-Qaeda, ISIS, Boko Haram dan lain-lain.

Analisis Hubungan Terorisme Baharu dengan Kemunculan Kumpulan Radikal Muslim

Berdasarkan pengkategorian yang diberikan, wacana hubungan terorisme baharu dengan kumpulan militan Muslim boleh ditumpukan kepada empat aspek iaitu motif dan faktor

⁴⁰ Yosri Fouda dan Nick Fielding, *Masterminds of Terror: The Truth behind the Most Devastating Terrorist Attack the World Has Ever Seen* (New York: Arcade Publishing, 2004).

pendorong, orientasi, operasi dan definisi terorisme baharu itu sendiri.

Seperti yang dihuraikan oleh Rapoport, aspek motif dijadikan kayu ukur dalam menentukan kemunculan dan pengakhiran sesuatu gelombang. Justeru terorisme baharu dikaitkan dengan gerakan militan Muslim kerana ideologi dan matlamat perjuangan mereka berpaksikan agama. Kaitan penggunaan nama dan ajaran Islam oleh gerakan ini sememangnya tidak boleh dinafikan. Nama al-Dawlah al-Islamiyyah fi al-Iraq wa al-Sham itu sendiri sebagai contoh digunakan untuk merujuk kepada penubuhan satu negara dan seterusnya *khilafah Islamiyyah* dengan khalifah dan perlembagaannya yang tersendiri.

Walau bagaimanapun gelombang terorisme sebenarnya digerakkan oleh kumpulan dari agama yang lain juga. Terorisme bermotivasikan agama bukanlah fenomena yang baharu kerana ianya dikesan telah muncul ribuan tahun dahulu walaupun dalam skala kecil. Hal ini dapat dikenal pasti bermula dari kumpulan Zealot pada abad pertama Masihi sehinggalah kemunculan kumpulan bercorak anarki dan Marxism yang kadangkala turut menjadikan agama sebagai justifikasi kepada tindakan keganasan.⁴¹ Selain itu sebahagian besar ahli kumpulan Irish Republican Army (IRA) (gelombang aliran kiri 1960-1980) merupakan penganut Kristian Katolik dan kumpulan teroris Yahudi seperti Irgun dan EOKA di Cyprus sebahagian besarnya dipengaruhi oleh doktrin gereja ortodoks Greek.⁴²

Sehubungan itu, mengkelaskan terorisme baru hanya kepada gerakan militan Muslim dengan Islam sebagai dorongan utama telah memberi imej dan perspektif yang tidak tepat terhadap agama Islam. Natijahnya, PBB merekodkan dalam laporan "Countering Islamophobia/Anti-Muslim Hatred to Eliminate Discrimination and Intolerance Based on Religion or Belief" bahawa berlaku peningkatan kebencian terhadap Islam dan Muslim di seluruh dunia. Undian pandangan di Eropah

⁴¹ David C. Rapoport, "Fear and Trembling: Terrorism in Three Religious Traditions," *American Political Science Review*, Vol. 78, no 33 (1984), 659.

⁴² Bruce Hoffman, "Old Madness New Method- Revival of Religious Terrorism Begg for Broader," U.S Policy, RAND Review: Winter 1998-1999, 13-14.

menunjukkan 4 dari 10 penduduk Eropah mempunyai pandangan negatif terhadap umat Islam manakala 30% penduduk Amerika Syarikat membenci mereka.⁴³ Faktor tersebut pula berlaku akibat propaganda media yang menanam kebencian terhadap Islam dan penganutnya. Kajian oleh European Commission against Racism and Intolerance terhadap 600,000 laporan media di Belanda menunjukkan kata sifat (adjektif) untuk Muslim dalam laporan pemberitaan mereka kebanyakannya dikaitkan dengan ‘*radical*’, ‘*extremist*’ dan ‘*terrorist*’ berbanding ‘*known*’, ‘*average*’ dan ‘*beautiful*’ untuk rakyat Belanda.⁴⁴

Selain itu, kajian yang dibuat terhadap mereka yang terlibat dengan gerakan militan Muslim menunjukkan ia tidak bermotifkan agama semata tetapi wujud faktor lain yang lebih dominan mendorong penglibatan mereka dengan gerakan ini seperti psikologi, ekonomi dan politik.⁴⁵ Kajian oleh Robert Pape terhadap 315 kes pengeboman bunuh diri menunjukkan terdapat hubungan yang kecil antara terorisme dengan ‘fundamentalisme Islam’ atau mana-mana agama yang lain.⁴⁶ Justeru apakah faktor dorongan tersebut? Tidakkah gerakan seperti yang dinyatakan di atas menggunakan agama dalam gerak perjuangan mereka?

Perlu dicermati bahawa walaupun agama digunakan namun ia tidak lebih sekadar strategi luaran demi mencapai matlamat politik, mendapatkan sokongan popular dan mendiamkan golongan yang menentang mereka. Ini kerana ciri dan faktor yang membawa kepada lahirnya terorisme bermotivasikan agama

⁴³ The Office of the High Commissioner for Human Rights, “Report on Countering Islamophobia/Anti-Muslim Hatred to Eliminate Discrimination and Intolerance Based on Religion or Belief,” dicapai pada 5 Feb 2021 <https://www.ohchr.org/EN/Issues/FreedomReligion/Pages/HatredAndDiscrimination.aspx>.

⁴⁴ The Office of the High Commissioner for Human Rights, “Report on Countering Islamophobia/Anti-Muslim Hatred to Eliminate Discrimination and Intolerance Based on Religion or Belief,” dicapai pada 5 Feb 2021 <https://www.ohchr.org/EN/Issues/FreedomReligion/Pages/HatredAndDiscrimination.aspx>.

⁴⁵ Mohd Khairul Naim Che Nordin, “Kajian Kritis Hubungan Agama dengan Pemikiran Terorisme,” *Jurnal AFKAR* vol 19, no 2 (2017), 73-106.

⁴⁶ Robert A. Pape and James K. Feldman, *Cutting the Fuse: The Explosion of Global Suicide Terrorism and How to Stop It* (London: The University of Chicago Press, 2010), 11-30 dan 43-45.

sebenarnya tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan terorisme berpaksikan politik. Sebagai contoh kemunculan ISIS lahir hasil gabungan set keadaan yang langka dialami negara dan individu tertentu seperti keadaan sendiri yang bermasalah, situasi politik yang tidak stabil, kemunduran ekonomi dan masalah sosial berpanjangan. Agama kemudian digunakan untuk ‘mengikat’ setiap set yang berbeza tadi dan diekspresikan secara keras dan ganas dengan menjadikan agama juga sebagai justifikasi dan hukum ‘moral’. Justeru, ia berbalik kepada matlamat untuk perubahan aturan politik yang memihak kepada gerakan atau kumpulan tersebut. Hal yang sama wujud dalam setiap kumpulan yang lain.

Sekiranya aspek orientasi dijadikan kayu ukur kepada terorisme baharu maka aspek sasaran dan tindakan keganasan yang mengakibatkan kematian banyak nyawa sebenarnya juga telah berlaku sejak sekian lama.⁴⁷ Sebagai contoh seawal tahun 1605 dicatatkan perancangan pengeboman Parlimen United Kingdom oleh pelampau Katolik bagi membunuh Raja James I.⁴⁸ Walaupun perancangan itu digagalkan namun idea pembunuhan secara rawak dan meluas telah sedia wujud sejak dahulu lagi. Begitu juga kejadian pengeboman yang berlaku di Haymarket Square, Chicago pada tahun 1886 oleh kumpulan anarki yang walaupun menyebabkan 4 kematian namun serangan rawak tersebut mencederakan puluhan yang lain.⁴⁹ Selain itu korban lebih besar direkodkan pada tahun 1925 melalui kejadian pengeboman di Gereja St. Nedelya apabila Parti Komunis Bulgaria membunuh 200 mangsa dan mencederakan lebih 500 yang lain.⁵⁰ Lebih terbaru ialah letupan kapal terbang Air India

⁴⁷ Alexander Spencer, *Questioning the Concept of New Terrorism* (Peace Conflict and Development Issue, 2006), 15.

⁴⁸ “The Gun Powder Plot,” laman sesawang *UK Parliament*, dicapai pada 5 Januari 2021, <https://www.parliament.uk/about/living-heritage/evolutionofparliament/parliamentaryauthority/the-gunpowder-plot-of-1605/>.

⁴⁹ The Editors of Encyclopaedia Britannica, “Haymarket Affair,” laman sesawang *Britannica*, dicapai pada 6 Januari 2021, <https://www.britannica.com/event/Haymarket-Affair>.

⁵⁰ Zhivko Stanchev, “93rd Anniversary of St. Nedelya Church Assault – Bloodiest in Bulgarian History Act of Terrorism,” Bulgarian National Radio,

pada 1985 yang dilakukan oleh Babbar Khalsa, kumpulan teroris nasionalis Sikh dan mengakibatkan 329 kematian.⁵¹

Justeru, penjenamaan sesuatu nama seperti ‘terorisme baharu’ sepatutnya digunakan bagi fenomena keganasan yang belum pernah berlaku sebelumnya. Namun rekod sejarah telah menunjukkan orientasi serangan secara rawak membabitkan bilangan mangsa yang ramai telah sedia berlaku dan dilakukan pula oleh pelbagai kumpulan pengganas sejak sekian lama. Atas asas tersebut juga, mengaitkan kumpulan militan Muslim sebagai pencorak terorisme baharu berpandukan kaedah dan orientasi ini semata merupakan pengkategorian yang tidak tepat kerana pendekatan ini telah sedia berlaku sebelum ini. Bahkan tidak keterlaluan dikatakan bahawa ia satu bentuk propaganda bagi mensensasikan kemunculan kumpulan ini di akhir abad ke-19.

Dalam konteks ini juga mengaitkan terorisme baharu dengan ajaran Islam (*Islamic terrorism*) pada hakikatnya memenuhi kehendak gerakan ini. Militan Muslim bukan sekadar mahu diiktiraf keberadaan mereka, tetapi mereka juga mahu semua pihak termasuk umat Islam untuk memperakui bahawa tindakan yang mereka lakukan selaras dengan Islam. Justeru, menisbahkan tindakan keganasan dengan agama secara langsung sebenarnya memberi ‘impak positif’ terhadap pengaruh kumpulan tersebut dalam menyebarkan fahaman dan gerakan mereka. Dalam masa yang sama suara dan pandangan majoriti umat Islam yang menolak tindakan sebegini diabaikan manakala tindakan minoriti ini pula diketengahkan oleh media dan ahli politik berkepentingan sebagai menggambarkan ajaran Islam.

Pada aspek operasi pula, perkembangan internet masa kini melahirkan capaian komunikasi lebih maju seterusnya mengembangkan gerakan yang dahulunya bersifat domestik ke skala antarabangsa. Namun, timbul persoalan apakah

diakses 8 Feb 2021, <https://bnr.bg/en/post/100959054/93rd-anniversary-of-st-nedelya-church-assault-bloodiest-in-bulgarian-history-act-of-terrorism>.

⁵¹ The Economic Times, “1985 Air India Bombing ‘Single Worst Terrorist Attack’ in Canada’s History: Trudeau,” website *The Economic Times*, 24 Jun 2018, dicapai pada 6 Feb 2021, <https://economictimes.indiatimes.com/news/politics-and-nation/1985-air-india-bombing-single-worst-terrorist-attack-in-canadas-history-trudeau/articleshow/64719789.cms?from=mdr>.

pengoperasian secara maya dan jarak jauh ini hanya boleh dinisbahkan kepada militan Muslim. Dasawarsa ini, gerakan radikal kulit putih sayap kanan juga sebenarnya tidak ketinggalan dalam hal penggunaan internet secara optimum. Beberapa laman sesawang telah dibangunkan sebagai medium penyampaian maklumat, komunikasi sesama ahli, penyebaran propaganda dan proses perekrutan.⁵² Laman seperti Stormfront.org dan World Church of the Creator (WCTOC) merupakan antara yang paling berpengaruh menyebarkan agenda kumpulan radikal sayap kanan.⁵³ Kumpulan lain seperti Atomwaffen Division yang memperjuangkan gerakan fasis neo Nazi dan All Tripura Tiger Force (ATTF) iaitu kumpulan radikal nasionalis di India turut beroperasi dengan kemudahan digital.⁵⁴

Ini menunjukkan selain kumpulan radikal Muslim, terdapat kumpulan atau pihak lain yang turut begitu strategik dalam penggunaan internet. Oleh itu, penisbahan terorisme baharu hanya kepada kumpulan radikal Muslim berpandukan pendekatan operasi secara digital merupakan pengkategorian yang sempit dan tidak objektif. Bahkan pengaplikasian internet suatu yang normal dan sememangnya akan digunakan oleh setiap pihak pada masa kini dan bukan oleh militan Muslim semata.

Di samping itu kajian perkembangan terorisme seperti yang diutarakan di atas tidak sempurna tanpa dikaitkan dengan terorisme yang dilakukan oleh pihak berautoriti seperti negara dan pertubuhan antarabangsa yang diiktiraf negara. Beberapa pengkategorian dan perkembangan gelombang seperti yang diuraikan di atas tidak meletakkan negara sebagai penggerak terorisme walaupun elemen-elemen itu wujud dan dilakukan oleh negara tertentu secara umum atau pun dilakukan oleh cabang agensi kerajaan secara lebih khusus. Ini berkemungkinan kerana

⁵² Joseph A Schafer, Christoper W. Mullins dan Stephanie Box, *Awakening: The Emergence of White Supremacist Ideologies* (n.p.: Routledge Taylor & Francis Group, 2014), 178.

⁵³ Joseph A. Schafer, Christoper W. Mullins and Stephanie Box, "Awakenings: The Emergence of White Supremacist Ideologies," *Deviant Behavior* vol. 35 (2014), 173.

⁵⁴ SPL Center, "Fighting Hate Extremist," dicapai 9 Jan 2021, <https://www.splcenter.org/fighting-hate/extremist-files/group/atomwaffen-division>; <https://idsa.in/taxonomy/term/662>

entiti negara sebagai wilayah berdaulat dan segala tindakan yang dilakukan dilihat melalui cerminan ‘perang’ dan bukannya terorisme.

Hal ini walau bagaimanapun memberi kelebihan kepada sesebuah negara untuk secara wewenang melakukan tindakan keganasan demi mencapai tujuan politiknya. Ia suatu layanan dan pengiktirafan yang tidak sama rata dengan gerakan terorisme yang lain walaupun tindakan dan impak yang diberikan adalah sama atau mungkin lebih besar. Ini kerana kerajaan yang menggunakan instrumen keganasan sewajarnya juga diperakui sebagai terorisme. Tindakan ketenteraan yang menyebabkan korban nyawa besar terhadap orang awam seperti pembunuhan besar-besaran yang dilakukan oleh rejim Nazi Jerman dan Soviet Union di era perang dunia kedua, pengeboman nuklear oleh Amerika Syarikat di Nagasaki dan Hiroshima, kekejaman dasar Khmer Rouge yang membunuh jutaan rakyat Kemboja, pendudukan berterusan rejim Israel di Palestin, penyembelihan orang awam yang dilakukan oleh tentera Serbia di Bosnia Herzegovina, pengusiran dan pembunuhan masyarakat Rohingya oleh kerajaan Myanmar serta banyak lagi telah menunjukkan bahawa impak keganasan yang diberikan oleh negara adalah jauh lebih besar berbanding gerakan atau kumpulan bukan kerajaan.

Berdasarkan pembahagian fasa gelombang di atas juga, Rapoport menghadkan kegiatan terorisme kepada pelakunya berbanding orientasi yang dilaksanakan. Ini kerana empat fasa tersebut hanya membabitkan pelaku dalam kalangan kumpulan dan pertubuhan yang tidak diiktiraf, manakala kerajaan tidak dikategorikan dalam empat fasa tersebut. Dengan kata lain, kerajaan yang mewakili kuasa autoriti dalam aspek eksekutif dan pentadbiran negara seolah memiliki legitimasi melakukan aksi terorisme atas alasan politik dan nasional. Menyedari hal ini, terorisme yang dilakukan negara (*state terrorism*) perlu diakui kewujudannya. Suatu yang bersifat memberi ancaman, membunuh manusia yang tidak bersalah dan bertindak di luar kemanusiaan tidak dapat dibenarkan walau ia dilakukan oleh negara yang berdaulat. Bahkan boleh dikatakan *state terrorism* menjadi salah satu faktor melahirkan aksi terorisme yang lain. Gelombang anti kolonial yang digerakkan oleh pejuang kemerdekaan dan dikategorikan sebagai kelompok teroris oleh

Rapoport adalah hakikatnya lahir hasil penjajahan, eksploitasi dan tindakan ganas penjajah di negara yang dijajah sehingga akhirnya menimbulkan penentangan balas. Justeru ia turut perlu dimasukkan dalam pengkategorian terorisme kerana impaknya yang lebih besar dan meluas berbanding terorisme oleh sesebuah kumpulan dan pertubuhan yang lebih kecil.

Penutup

Berdasarkan huraian di atas, setiap aksi terorisme mempunyai motif dan tujuannya yang khusus. Motif tersebut menjadi faktor pendorong utama kepada kemunculan pelbagai kumpulan teroris. Bagi mencapai tujuan tersebut maka pelbagai aksi keganasan dilakukan sebagai salah satu pendekatan untuk merealisasikannya. Berdasarkan motif dan tujuan, kaedah operasi serta orientasi, maka pengkaji terorisme melihat wujud pola sekata yang dinamakan sebagai 'gelombang' dalam perkembangan terorisme antarabangsa. Kemunculan dan impak gerakan militan Muslim dijadikan indikator dalam menentukan kelahiran 'terorisme bentuk baharu'. Makalah ini sebaliknya menunjukkan bahawa ciri-ciri yang ada pada gerakan tersebut bukanlah suatu yang baharu, bahkan sebaliknya hanya penerus kepada konsep dan bentuk terorisme sebelum ini.

Penjenamaan terorisme hanya terhadap Muslim dan sebahagiannya pula cuba digandingkan secara langsung dengan ajaran Islam adalah tidak lain merupakan bentuk propaganda bagi memperlihatkan seolah wujud pertembungan antara dunia secara umum dengan umat Islam. Paparan sebegini oleh media pula adalah untuk mencapai kepentingan politik dan ekonomi sesetengah pihak berkepentingan. Makalah ini juga cuba menunjukkan bahawa perhatian seharusnya diberikan kepada konsep '*state terrorism*'. Sekiranya terorisme lain berkembang secara berfasa dan sebahagian gerakan tersebut pula telah lenyap namun terorisme oleh kerajaan boleh dikatakan wujud di sepanjang zaman dan memberi impak lebih besar dan menakutkan.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian hasil kajian Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS):

FRGS/1/2017/SSIO3/UM/02/2 (FP022-2017A) yang ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Penulis merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Malaya kerana mendanai dan meluluskan kajian ini.

Bibliografi

- “The Gun Powder Plot.” Laman sesawang *UK Parliament*. Dicapai pada 5 Januari 2021, <https://www.parliament.uk/about/living-heritage/evolutionofparliament/parliamentaryauthority/the-gunpowder-plot-of-1605/>.
- Aslan, Reza. *Zealot: A 30 Minute Chapter by Chapter Summary. The Life and Times of Jesus of Nazareth*. California: Createspace Independent Pub, 2013.
- Baylis, John. *The Globalization of World Politics*. New York: Oxford University Press, 2005.
- Berger, J. M dan Morgan, Jonathan. “The ISIS Twitter Census: Defining and Describing the Population of ISIS Supporters on Twitter”. Analysis Paper, The Brookings Project on U.S Relations with the Islamic World, No. 20, Mac 2015, 2.
- Cambridge Dictionary. Dicapai 10 Feb 2021, <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/terrorism>, entri terrorism.
- Carter, Ashton B, Deutch, John dan Zelikow, Philip. “Catastrophic Terrorism.” *Foreign Affairs* 77(6) (1999), 80-94.
- Chalian Gerard dan Blin, Arnaud. *The History of Terrorism from Antiquity to Al-Qaeda*. California: University of California Press 2007.
- Chrzaszcz, Arthur Jach. “Analysis of the New Left Wave Basing on the Concept of the Four Waves of Terrorism by David Rapoport and Selected Political Events.” *World Scientific News an International Scientific Journal* vol. 92(2) (2018), 387.
- Chrzaszcz, Arthur Jach. “Analysis of the New Left Wave Basing on the Concept of the Four Waves of Terrorism by David Rapoport and Selected Political Events.” *World Scientific*

- News an International Scientific Journal* vol. 92, no 2 (2018), 388.
- DeYoung, Karen and Dobbs, Michael. "Bin Laden: Architect of the New Global Terrorism". Laman sesawang *Washington Post*, dicapai 20 Januari 2021, <https://www.washingtonpost.com/archive/politics/2001/09/16/bin-laden-architect-of-new-global-terrorism/0f31fea0-afe6-4983-a378-7654be07f279/>.
- Easson Joseph J. dan Schmid, Alex P. *The Routledge Handbook of Terrorism Research*. London & New York: Routledge, 2011.
- European Parliament. "Understanding Definitions of Terrorism". Dicapai pada 10 Feb 2021, [https://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/ATAG/2015/571320/EPRS_ATA\(2015\)571320_EN.pdf](https://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/ATAG/2015/571320/EPRS_ATA(2015)571320_EN.pdf).
- Fouda, Yosri dan Fielding, Nick. *Masterminds of Terror: The Truth behind the Most Devastating Terrorist Attack the World Has Ever Seen*. New York: Arcade Publishing, 2004.
- Ganor, Boaz. "Defining Terrorism: Is One Man's Terrorist Another Man's Freedom Fighter?," *Police Practice and Research* vol. 3(4) (2002), 287-304.
- Global Terrorism Data. *Codebook: Inclusion Criteria and Variables*. T.p: START, 2018.
- Gurr, Nadine dan Cole, Benjamin. *The New Face of Terrorism: Threats from Weapons of Mass Destruction*. London: Bloomsbury Academic, 2000.
- Hoffman, Bruce. "Old Madness New Method- Revival of Religious Terrorism Begg for Broader." U.S Policy, RAND Review: Winter 1998-1999.
- Institute for Economic and Peace. "Global Terrorism Index 2020: Measuring the Impact of Terrorism." dicapai pada 20 Mei 2021, <http://visionofhumanity.org/reports>.
- Jasmin Jawhar. *Terrorist Use of the Internet: The Case of Daesh*. Kuala Lumpur: The Southeast Asia Regional Centre for Counter Terrorism SEARCCT, 2016.
- Joffe, George. *Global Terrorism*. Lisbo: EuroMesco Secretariat IEEI, 2004..
- Karadsheh, Jomana, Sciutto, Jim dan Smith-Spark, Laura. "How Foreign Fighters are Swelling ISIS Ranks in Startling Numbers." Laman sesawang *CNN*. Dicapai pada 5 Nov 2020,

- <https://edition.cnn.com/2014/09/12/world/meast/isis-numbers/index.html>.
- Laqueur, Walter. "Postmodern Terrorism." *Foreign Affairs* 7(5) (1996), 24-36.
- Latin Dictionary and Grammar Resources. Dicapai pada 20 Mei 2021, <https://latin-dictionary.net/definition/37010/terreo-terre-terru-territus>, entri *terreo*, *terre*, *terru*, *territus*.
- Lesser, Ian O. et al. *Countering the New Terrorism*. Santa Monica: RAND, 1999.
- Lester, Tim et al. "ISIS Goes Global: 143 Attacks in 29 Countries Have Killed 2,043". Laman sesawang *CNN*, <https://edition.cnn.com/2015/12/17/world/mapping-isis-attacks-around-the-world/index.html>; website *Australian National Security*, <https://www.nationalsecurity.gov.au/Listedterroristorganisations/Pages/Al-QaidaAQ.aspx>
- Mohd Khairul Naim Che Nordin. "Kajian Kritis Hubungan Agama dengan Pemikiran Terorisme." *Jurnal AFKAR* vol 19(2) (2017), 73-106.
- Neumann, Peter R. *Old and New Terrorism: Late Modernity, Globalization and the Transformation of Political Violence*. Cambridge: Polity Press, 2009..
- Neumann, Peter R. *Radicalized New Jihadists and the Threat to the West*. London, New York: I.B. Tauris, 2016.
- Pape, Robert A. dan Feldman, James K. *Cutting the Fuse: The Explosion of Global Suicide Terrorism and How to Stop It*. London: The University of Chicago Press, 2010.
- Rapoport, David C. "Fear and Trembling: Terrorism in Three Religious Traditions." *American Political Science Review*, Vol. 78(3) 1984, 659.
- Rapoport, David C. "Modern Terror: The Four Waves," dalam *Attacking Terrorism: Elements of a Grand Strategy*, ed. Audrey Cronin dan J. Ludes. Washington D.C: Georgetown University Press, 2004.
- Rapoport, David C. "The Four Waves of Modern Terrorism," UCLA. Dicapai pada 6 Feb 2021, <http://international.ucla.edu/media/files/Rapoport-Four-Waves-of-Modern-Terrorism.pdf>, 61.

- Rapoport, David C. "The Fourth Wave: September 11 in the History of Terrorism," *Current History* vol. 100(650) (2001), 419-424.
- Reuters. "Major Attack by Al Qaeda", <https://www.reuters.com/article/idINIndia-56711920110502>;
- Samuel, Thomas Koruth. *Don't Lah Wei: A Peer to Peer Resource Guide on Ensuring That Your Kawan Never Becomes a Terrorist*. Southeast Asia Regional Centre for Counter Terrorism, 2018.
- Schafer, Joseph A, Mullins, Christopher W. dan Box, Stephanie. "Awakenings: The Emergence of White Supremacist Ideologies." *Deviant Behavior* vol. 35 (2014), 173.
- Schmid, Alex P. "The Revised Academic Consensus Definition of Terrorism: Perspective on Terrorism." *Terrorism Research Initiative* Vol 6(2) (2012), 158-159.
- Spencer, Alexander. *Questioning the Concept of New Terrorism*. Peace Conflict and Development Issue, 2006.
- SPL Center, "Fighting Hate Extremist." Dicapai pada 9 Jan 2021, <https://www.splcenter.org/fighting-hate/extremist-files/group/atomwaffen-division>;
<https://idsa.in/taxonomy/term/662>
- Stanchev. Zhivko. "93rd Anniversary of St. Nedelya Church Assault – Bloodiest in Bulgarian History Act of Terrorism," Bulgarian National Radio. Dicapai pada 8 Feb 2021, <https://bnr.bg/en/post/100959054/93rd-anniversary-of-st-nedelya-church-assault-bloodiest-in-bulgarian-history-act-of-terrorism>.
- Tan, Andrew dan Ramakrishna, Kumar. *The New Terrorism: Anatomy, Trends and Counter Strategies*. London: Eastern University Press, 2002.
- The Economic Times. "1985 Air India Bombing 'Single Worst Terrorist Attack' in Canada's History: Trudeau." Laman sesawang *The Economic Times*, 24 Jun 2018, dicapai pada 6 Feb 2021, <https://economictimes.indiatimes.com/news/politics-and-nation/1985-air-india-bombing-single-worst-terrorist-attack-in-canadas-history-trudeau/articleshow/64719789.cms?from=mdr>.

- The Editors of Encyclopaedia Britannica. "Haymarket Affair." Laman sesawang *Britannica*. Dicapai pada 6 Januari 2021, <https://www.britannica.com/event/Haymarket-Affair>.
- The Office of the High Commissioner for Human Rights. "Report on Countering Islamophobia/Anti-Muslim Hatred to Eliminate Discrimination and Intolerance Based on Religion or Belief". Dicapai pada 5 Feb 2021 <https://www.ohchr.org/EN/Issues/FreedomReligion/Pages/HatredAndDiscrimination.aspx>.
- The Office of the High Commissioner for Human Rights. "Report on Countering Islamophobia/Anti-Muslim Hatred to Eliminate Discrimination and Intolerance Based on Religion or Belief." Dicapai pada 5 Feb 2021 <https://www.ohchr.org/EN/Issues/FreedomReligion/Pages/HatredAndDiscrimination.aspx>.
- Walls, Erin. *Waves of Modern Terrorism: Examining the Past and Predicting the Future*. Washington D.C: Georgetown University, 2017.